


MAHATHIR KUKUKKAN KERAJAAN SIHANOUK



NEW YORK, Isnin — Kehadiran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu minggu ini dijangka mengukuhkan lagi sokongan Demokratik Kampuchea di kalangan negara-negara anggota untuk mengekalkan kerusinya di badan dunia itu.

Semasa berada selama dua hari di Bangsa-Bangsa Bersatu, Perdana Menteri akan menekankan kepada masyarakat antarabangsa sebab mereka perlu menolong mengukuhkan Kerajaan Demokratik Kampuchea yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang akan berada di sini petang ini (pagi Selasa waktu Malaysia) akan mengunjungi Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Javier Perez de Cuellar pagi esok dan selepas itu Enock de Cuellar akan mengadakan satu majlis jamuan untuk meraikan Perdana Menteri.

Ini akan diikuti satu ceramah, semasa makan tengah hari oleh Datuk Seri Dr. Mahathir di Persatuan Asia yang dianjurkan oleh Persatuan Asia dan Majlis Hubungan Luar.

Pada pagi Rabu, beliau akan mengunjungi Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu ke-37, Enik Imre Hollai dari Hungary.

Beliau akan makan tengah hari

Dari REJAL ARBEE

dengan Putera Sihanouk, Timbalan Perdana Menteri Singapura yang kedua, Enik S. Rajaratnam dan menteri-menteri luar lima negara ASEAN sebelum berucap di Perhimpunan Agung itu pada kira-kira pukul 3 petang.

Dalam ceramah-ceramah dan ucapannya, Datuk Seri Dr. Mahathir akan menjelaskan bahawa penubuhan kerajaan campuran Demokratik Kampuchea pada bulan Jun lalu sejajar dengan hasrat Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyelesaikan pertikaian Indo China seperti termaktub dalam sidang antarabangsa mengenai Kampuchea.

Kemajuan positif

Beliau akan menyeru supaya Bangsa-Bangsa Bersatu menyokong penuh Kerajaan Demokratik Kampuchea kerana ini bererti satu langkah wajar ke arah penubuhan sebuah negara Kampuchea yang berdaulat, merdeka dan berkecuali untuk membawa keamanan rantau itu.

Para pemerhati di sini menifikan satu kemajuan positif penubuhan kerajaan campuran Demokratik Kampuchea di kalangan puak Moulinaka Putera Sihanouk, Khmer Rouge yang dipimpin oleh Khieu Samphan dan Barisan

Kebebasan Kebangsaan Rakyat Khmer (KPNLF) yang dipimpinnya Son Sann sebagai Perdana Menteri.

Hakikatnya bahawa Kerajaan Demokratik Kampuchea itu telah berjaya mewujudkan kesepaduan sejak ditubuhkan pasti akan mendapat sokongan yang lebih banyak di kalangan anggota-anggota badan dunia itu, tambah mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan berucap di perhimpunan itu sehari lebih awal dari Putera Sihanouk sebagai Presiden Demokratik Kampuchea.

Anggota-anggota Bangsa-Bangsa Bersatu kemudian akan diminta mengundi satu usul oleh Vietnam dan Soviet Union untuk mengugurkan kerusi Demokratik Kampuchea dari badan dunia itu.

Usaha yang sama telah dilakukan dalam tiga Perhimpunan Agung yang lalu tetapi gagal. Tahun lalu 77 negara menyokong Demokratik Kampuchea dan tahun sebelum itu 74.

Malam tadi, Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie yang tiba di sini tiga hari lalu menemui Son Sann di Waldorf Astoria sebelum menyertai majlis makan malam di hotel yang sama, diberikan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN untuk meraikan Putera/Sihanouk.

Semasa di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir akan juga menemui para penguasa Amerika dalam satu majlis makan tengah hari pada hari Khamis. — Bernama.